

Gus Dur tidak niat singgung perasaan Malaysia

31

Daripada
ZULKIFLEE BAKAR

JAKARTA 19 Nov. — Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid sama sekali tidak berniat menyinggung perasaan kerajaan Malaysia apabila beliau membuat kenyataan bahawa menteri negara jiran itu lebih banyak berada di padang golf.

Sehubungan itu, Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab berharap, Indonesia amat berharap kenyataan Abdurrahman tersebut tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak di Malaysia.

"Kenyataan Abdurrahman semalam harus dilihat secara positif iaitu beliau mahu menteri Indonesia meniru cara kerja menteri Malaysia yang lebih banyak menumpukan soal dasar berbanding pengurusan sehingga membolehkan mereka mempunyai banyak masa lapang.

"Sedang di Indonesia, menteri-menteri mencampuri semua urusan sehinggakan pentadbiran sesebuah kementerian menjadi kucar-kacir," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Sidang media itu diadakan khas bagi menjelaskan kenyataan Abdurrahman ketika berucap di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) semalam yang menyatakan, menteri-menteri Malaysia sukar ditemui kerana mereka lebih banyak bermain golf.

Malah, kata Abdurrahman, menteri-menteri itu juga melaksanakan urusan mereka di padang golf.

Kenyataan Presiden itu telah menyebabkan beberapa anggota DPR memban-tah dan menyifatkan ia sebagai boleh menyinggung perasaan Malaysia.

da Rastam bahawa Abdurrahman sama sekali tidak mempunyai niat negatif ketika membuat kenyataan tersebut dan Rastam memahaminya," kata beliau.

Ditanya apakah kehadiran Rastam untuk membuat bantahan atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Alwi berkata, Rastam datang untuk meminta penjelasan bagi mengetahui maksud sebenar kenyataan Abdurrahman.

"Rastam tidak menerima arahan Dr. Mahathir, malah Perdana Menteri masih belum dimaklumkan secara rasmi kenyataan Abdurrahman.

"Sebagai Duta Besar, Rastam mengamalkan sikap 'sediakan payung sebelum hujan', saya berpendapat itu tindakan yang baik," katanya.

Menjawab satu soalan, Alwi berkata, persoalan meminta maaf juga tidak timbul kerana Malaysia tidak meminta Indonesia berbuat demikian, sebaliknya memahami maksud sebenar kenyataan Abdurrahman.

Sebelum sidang media itu, Alwi telah mengadakan pertemuan lebih sejam dengan Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa.

Menurut Alwi, Rastam datang menemui beliau bagi meminta penjelasan berhubung kenyataan Abdurrahman memandangkan ia dilaporkan secara negatif oleh media massa dari dalam dan luar negara.

"Saya menjelaskan kepa-

Alwi berkata, melalui penjelasan kepada Rastam, beliau yakin kenyataan Abdurrahman tidak akan mengeruhkan atau menimbulkan salah faham dalam hubungan dua hala.

"Penjelasan ini penting kerana kita tidak mahu kenyataan Abdurrahman dijadikan isu politik berikutan Malaysia kini sedang dalam proses mengadakan pilihan raya umumnya," kata beliau. — *Utusan*